

**DIPLOMA PENGURUSAN BANK  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
KM 26 JALAN LENDU  
78000 ALOR GAJAH  
MELAKA**


RANCANGAN PERNIAGAAN:  
**HITECH CODE**

DISEDIAKAN UNTUK:  
TUAN HAJI AHMAD WAHID  
PENSYARAH ETR 300  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
MELAKA

DISEDIAKAN OLEH:

MOHD HAFIZ AHMAD	97218498
MOHD NADZERI KASSIM	97218507
MIMI ZELIA MUSTAPA	97108134
HARYATI MOHD MOHTAR	97129559
NORAIDA MANSOR	97206023
MASTURA CHE DESA	97108093

18 OKTOBER 1999



**INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN MELAKA  
MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY**

Tarikh: 17hb. Julai 1999  
 Surat Tuan:  
 Surat Kami: 100-CM(AKA 37/B)

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka  
 Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771  
 Telefax: 06-563963 06-5591067

**KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN**

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma In Banking Studies di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran mereka.


Bil.	Nama Pelajar	No. ITM
1.	Mohd Hafiz Ahmad	97218498
2.	Mohd Nadzeri Kassim	97218507
3.	Mimi Zelia Mustapa	97108134
4.	Haryati Muhamad Mohtar	97129559
5.	Noraida Mansur	97206023
6.	Mastura Che Desa	97108093

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarluaskan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

  
**ASMAH HJ. ZAINUDDIN**  
 Ketua Kursus DIB  
 ITM Melaka.  
 b/p Provos

## SURAT PENYERAHAN

Diploma Pengurusan Bank  
Universiti Teknologi Mara  
Km 6 Jalan Lendu  
78000 Alor Gajah  
Melaka

Tuan Haji Ahmad Wahid  
Pensyarah Asas Keusahawanan(ETR)  
Universiti Teknologi Mara Cawangan Melaka  
Km 6 Jalan Lendu  
78000 Alor Gajah  
Melaka

Tuan

### Laporan Projek Keusahawanan

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas bersama-sama ini dilampirkan satu projek perniagaan untuk membuka sebuah perniagaan perkongsian mencetak kod bar yang beralamat :

Lot 047,  
Tingkat Bawah Bukit Bintang Plaza,  
Jalan Bukit Bintang,  
55000 Kuala Lumpur

2 . Ini adalah sebahagian daripada syarat untuk memenuhi matapelajaran Asas Keusahawanan (ETR 300) , disamping itu pengalaman ini dapat digunakan apabila kami memperolehi diploma nanti untuk menceburi bidang perniagaan tersebut apabila kami menamatkan pengajian kelak.

3 . Disini juga kami angin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada pensyarah kami, Tuan Haji Ahmad Wahid di atas segala nasihat dan tunjuk ajar beliau di dalam menjayakan rancangan perniagaan ini.

4 . Kami juga tidak lupa untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dalam projek ini di dalam usaha menyediakan rancangan perniagaan ini.

Sekian, Terima Kasih.

Yang Benar,


  
.....  
(MOHD HAFIZ BIN AHMAD)

  
.....  
(MOHD NADZERI BIN KASSIM)

  
.....  
(MIMI ZELIA MUSTAPA)

  
.....  
(HARYATI MUHAMAD MOHTAR)

  
.....  
(NORAIDA MANSUR)

  
.....  
(MASTURA CHE DESA)

## 1.0 PENGENALAN

Selari dengan matlamat Wawasan 2020 yang dilancarkan oleh Perdana Menteri kita iaitu Dato' Seri Dr. Mahathir Mohammad untuk melahirkan golongan yang berjaya dalam bidang perniagaan, maka atas kesedaran ini, kami bangkit untuk menyahut seruan dan cabaran matlamat tersebut.

Kami berganding bahu dan bersatu hati untuk membuka perniagaan yang jarang sekali diceburi oleh bumiputra. Kami bertekad untuk memecahkan monopoli perniagaan yang lazimnya dipelopori oleh kaum lain. Kami ingin menjadi pencetak kod bar yang sekarang ini penting dalam dunia pengeluaran pada zaman ini.

Dengan itu kami berhasrat apabila melibatkan diri dalam bidang ini, maka kami akan sama-sama menyumbangkan tenaga dalam pembangunan negara khasnya penbabitan bumiputra dalam bidang perniagaan yang mencabar.

Perniagaan ini bukanlah merupakan bidang yang baru tetapi perniagaannya kurang dilakukan kerana risiko bolehlah dikatakan amat mencabar.

Tetapi permintaan terhadapnya amat menggalakkan. Kami akan cuba mengatur strategi yang baik untuk kejayaan syarikat kami. Biarpun keadaan ekonomi negara kita mengalami kegawatan , namun pada kami kepentingan barang yang ingin kami pasarkan ini adalah masih stabil kerana pasaran memang memerlukan barang ini.

Kami juga mendapati bahawa barang ini merupakan keperluan kepada keluaran yang dikeluarkan oleh industri-industri yang terlibat dalam proses pengeluaran.Dengan itu , ianya membuatkan permintaan terhadapnya sentiasa wujud.